



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## PEMBERIAN SUMBANGAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT / MASYARAKAT (CSR) KEPADA TABUNG PENGURUSAN BERSAMA/PERBADANAN PENGURUSAN UTK PROGRAM TP-1MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 10 Mac 2012** – YB. Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Majlis Pemberian Sumbangan CSR Kepada Tabung Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) untuk Program TP-1Malaysia di Avenue Court, Taman Seri Sentosa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

2. Sumbangan CSR oleh Yayasan Wilayah Persekutuan ini diberikan kepada **7 JMB / MC** perumahan kos rendah iaitu Perumahan Vista Angkasa (Bukit Kerinchi), Flat Danau Kota (Wangsa Maju), Pangsapuri Bukit Cheras, Rumah Pangsa Batu Permai, Taman Segambut SPPK, Taman Wilayah Selayang Fasa 3 dan Taman Wilayah Selayang Fasa 4. Ini kerana JMB/MC tersebut tidak mempunyai dana yang mencukupi bagi menampung keseluruhan jumlah 10% yang perlu disediakan. Atas dasar tanggungjawab sosial korporat / masyarakat, Yayasan Wilayah Persekutuan menyumbang sebahagian daripada jumlah yang tidak mencukupi tersebut.

3. **Valuable Goodies** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 telah menurunkan kadar peratusan daripada **60:40** kepada **70:30** iaitu tujuh puluh peratus (**70 %**)

**daripada dana Tabung TP-1Malaysia dan tiga puluh peratus (30 %) adalah daripada JMB / MC / Persatuan Penduduk.** Oleh itu, pulangan / bayaran balik kepada **2 JMB** perumahan kos sederhana rendah swasta iaitu JMB Apartmen Avenue Court dan Perbadanan Pengurusan Bersama Pangsapuri Kenanga Sari yang telah menyumbang melebihi daripada 30% wang sumbangan JMB turut diserahkan. Ini dapat meringankan beban masyarakat setempat dalam menyelenggarakan kediaman mereka tanpa melepaskan tanggungjawab kepada Kerajaan sepenuhnya.

4. YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin juga menyampaikan sumbangan wang tunai **RM 100.00** setiap seorang kepada **10 orang** warga Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU. Beliau turut mengadakan *Walkabout* di sekitar Avenue Court, Taman Seri Sentosa, Lembah Pantai dan meninjau kerja-kerja mengecat dan penyelenggaraan di kawasan tersebut. Di samping itu, beliau turut menyampaikan Sijil Serah Kerja kepada 6 kontraktor yang berjaya untuk kerja-kerja mengecat di Taman Seroja, Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

5. Inisiatif CSR oleh KWPKB dan Yayasan Wilayah Persekutuan ini merupakan salah satu daripada pendekatan yang diambil bagi membantu penduduk kawasan perumahan kos sederhana rendah swasta dan kos rendah swasta untuk menceriakan dan mengindahkan lagi kawasan kediaman mereka ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera. Adalah diharapkan dengan kewujudan TP-1Malaysia ini dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang ke arah kesejahteraan bandaraya Kuala Lumpur khususnya dalam menjadikan suasana bandar lebih ceria, bersih, dan indah.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

10 Mac 2012  
KUALA LUMPUR

Lampiran

**SENARAI JMB/MC/PERSATUAN PENDUDUK KOS RENDAH SWASTA YANG MENERIMA SUMBANGAN CSR**

Bil.	Nama JMB/MC/Persatuan Penduduk	Anggaran Kos (RM)	Sumbangan JMB/MC	Sumbangan CSR (RM)
1.	Perumahan Vista Angkasa,Bukit Kerinch	81,787.86	8,350.00	8,200.00
2.	Flat Danau Kota, Wangsa Maju	900,00.00	42,000.00	40,000.00
3.	Pangsapuri Bukit Cheras, Blok 1&3	1,200,000.00	50,000.00	40,000.00
4.	Rumah Pangsa Batu Permai	570,000.00	10,000.00	30,000.00
5.	Taman Segambut SPPK	358,621.20	30,000.00	5,900.00
6.	Taman Wilayah Selayang Fasa 3	401,062.80	10,000.00	30,000.00
7.	Taman Wilayah Selayang Fasa 4	547,147.40	30,000.00	25,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>179,100.00</b>

Lampiran

**SENARAI JMB/MC RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH SWASTA YANG LAYAK MENERIMA PULANGAN BALIK**  
**SUMBANGAN TABUNG TP-1 MALAYSIA**

Bil.	Nama JMB/MC/Persatuan Penduduk	Anggaran Kos (RM)	70%	30%	Sumbangan JMB/MC (40%)	Amaun Dipulangkan (RM)
1.	Badan Pengurusan Bersama Avenue Court	1,100,000.00	880,000.00	330,000.00	440,000.00	63,040.00
2.	Perbadanan Pengurusan Bersama Pangsapuri Kenanga Sari	50,000.00	35,000.00	15,000.00	20,000.00	5,715.80
	<b>JUMLAH</b>				<b>68,755.80</b>	